



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

Untuk Siaran Segera

8 Jun 2017

**URUS NIAGA ASB DITANGGUH SEHARI PADA 23 JUN 2017
UNTUK MIGRASI SISTEM**

Kuala Lumpur: - Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) mengumumkan penangguhan sementara urus niaga Amanah Saham Bumiputera (ASB) pada 23 Jun 2017 untuk migrasi dan penambahbaikan sistem bagi meningkatkan keberkesanan operasinya.

Oleh kerana penangguhan berkenaan bersambung terus dengan cuti umum sempena Aildilfitri, ASB hanya akan mula diurus niaga semula pada 28 Jun 2017 (Rabu).

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif ASNB, Encik Mohammad Hussin berkata, langkah menambah baik sistem operasi ASB ini akan membolehkan operasi ASB diuruskan di bawah satu sistem yang mudah, sama seperti produk unit amanah ASNB yang lain.

"Langkah ini bertujuan meningkatkan kecekapan perkhidmatan ASNB kepada pelabur kerana kami kini dapat menawarkan perkhidmatan yang sebelum ini tidak dapat diberikan menerusi sistem lama."

Menurut Mohammad, selaras dengan langkah menaik taraf sistem ASB ini, ASNB akan memperkenalkan opsyen sistem urus niaga tanpa buku dan menggunakan pakai sistem satu nombor akaun untuk pelaburan dalam semua unit amanah ASNB.

"Opsyen sistem urus niaga tanpa buku dan penggunaan satu nombor sahaja ini disasarkan untuk memudahkan urusan pelabur ASNB.

"Berikutan itu, selepas ini pelabur hanya perlu membawa kad pengenalan untuk urus niaga dengan ASNB, termasuk untuk pengeluaran," katanya.

Sehubungan itu, mana-mana pelabur yang kehilangan buku atau kurang pasti mengenai status pelaburan mereka, boleh menyemak status dengan hanya membawa kad pengenalan bermula 28 Jun ini.

Sebelum ini, pelabur perlu membawa buku pelaburan dan kad pengenalan untuk urus niaga dengan ASNB, terutamanya untuk urus niaga pengeluaran. Pelabur yang kehilangan buku pelaburan pula kadangkala terpaksa menunggu lama untuk

mendapatkan buku baharu kerana ia hanya boleh dibuat di Cawangan ASNB sahaja selain perlu membayar yuran penggantian buku.

Mohammad menambah, penambahbaikan sistem operasi ini juga membolehkan ASNB meluaskan rangkaian ejen yang menawarkan urus niaga ASB, meliputi Bank Simpanan Nasional (BSN), Affin Bank dan Ambank. Semua bank berkenaan sebelum ini hanya menawarkan produk unit amanah ASNB yang telah dinaik taraf sistem operasinya.

Rangkaian cawangan ejen ASNB yang menawarkan ASB kini meningkat kepada 2,262 cawangan.

Proses menambah baik sistem operasi untuk semua produk unit amanah ASNB ini telah bermula secara berperingkat sejak beberapa tahun lalu. Pada masa ini, semua produk unit amanah ASNB telah pun dinaik taraf kecuali ASB.

Menurut Mohammad, oleh kerana proses migrasi dari sistem lama ASB iaitu *Unit Trust System (UTS)* kepada *Fund Distribution System (FDS)* ini akan mengambil masa dan memberi kesan kepada sistem operasi ASB, ASNB perlu melaksanakannya ketika cuti umum yang panjang bagi mengurangkan gangguan terhadap urus niaga pelabur.

Bagi pelabur di seluruh negara, transaksi ASB hanya ditangguhkan pada 23 Jun 2016, manakala bagi pelabur di Kelantan dan Terengganu, penangguhan urus niaga hanya pada 27 Jun 2017.

Berikutan penangguhan urus niaga ASB ini, pelabur dinasihatkan supaya merancang keperluan kewangan dan membuat transaksi berkaitan untuk mengelak sebarang kesulitan ketika meraikan Aidilfitri nanti.

ASB merupakan tabung unit amanah terbesar negara dan kini mempunyai lebih 9 juta pelabur yang melanggan kira-kira RM143 bilion unit ASB.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, ASB mengumumkan agihan pendapatan sebanyak 6.75 sen seunit dan bonus 0.50 sen seunit.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web ASNB, www.asnb.com.my

Dikeluarkan oleh:

PERMODALAN NASIONAL BERHAD

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Encik Aziz Anuar

Naib Presiden Kanan

Bahagian Hal Ehwal Korporat & Komunikasi

Tel: +603-2050 5810 | email: aziz_a@pnb.com.my